



**KENYATAAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,**  
**ALAM SEKITAR & PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)**

**23 APRIL 2019**

---

**PENGHANTARAN SEMULA KONTENA YANG DISYAKI MENGANDUNG  
BARANG DAGANGAN (SISA PLASTIK) YANG DICEMARI DENGAN BAHAN  
BUANGAN TERJADUAL KEMBALI KE NEGARA PENGEKSPORT**

---

**Klang, 23 April 2019** - Operasi Penguatkuasaan di Westports, Pelabuhan Klang yang diketuai oleh YB Puan Yeo Bee Yin, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) pada 23 April 2019 melibatkan pemeriksaan ke atas kontena-kontena yang disyaki mengandungi barang dagangan sisa plastik dicemari dengan buangan terjadual. Operasi ini melibatkan Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Lembaga Pelabuhan Klang dan Syarikat Westports Malaysia Sdn Bhd, sebagai pengendali perkhidmatan di Westports.

2. Ini adalah selaras dengan penetapan sasaran dan inisiatif Kementerian untuk melipatgandakan penguatkuasaan secara holistik terhadap kilang kitar semula sisa plastik khususnya kilang haram. Selain itu, operasi ini juga adalah untuk menghindari negara Malaysia menjadi tempat lupusan sisa plastik kotor dari negara-negara lain khususnya negara-negara maju. Sisa plastik yang memasuki negara kita menyebabkan peningkatan kepada kadar pencemaran alam sekitar sejak kebelakangan ini.

3. Berdasarkan operasi penguatkuasaan yang dijalankan sehingga 11 April 2019, daripada 300 buah kilang kitar semula sisa plastik yang diperiksa di seluruh Malaysia, sebanyak 112 kilang beroperasi secara haram yang mana 148 buah kilang telah dihentikan atau ditahan operasinya.

4. Aktiviti kitar semula sisa plastik yang dijalankan secara haram perlu diberikan perhatian serius. Ini kerana sumber sisa plastik terpakai ini diperoleh dari pengimportan “*mixed plastic waste*”, seterusnya berlaku lambakan sisa plastik yang memberikan impak negatif kepada alam sekitar dan kesihatan manusia di kawasan terlibat.
5. Susulan itu, JAS bersama beberapa agensi berkaitan seperti Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (SWCorp) dan Lembaga Pelabuhan Klang telah menjalankan beberapa siri operasi pemeriksaan kontena di Pelabuhan Klang untuk tempoh dua minggu pada bulan Mac 2019 yang lalu. Hasil pemeriksaan tersebut mendapati bahawa terdapat beberapa pengimportan kontena sisa plastik ke Malaysia disyaki dicemari dengan bahan buangan terjadual.
6. Sehubungan itu, Kementerian menerusi JAS sebagai Competent Authority to Basel Convention telah mengambil tindakan tegas untuk mengarahkan penghantaran semula kontena yang mengandungi sisa plastik yang disyaki dicemari dengan buangan terjadual ke negara asal. Notifikasi akan dikemukakan oleh JAS mengikut prosedur Prior Informed Consent (PIC) di bawah Konvensyen Basel kepada Competent Authority negara pengeksport berhubung penghantaran semula kontena berkenaan. Perkara ini dapat dilakukan kerana Kementerian ini adalah National Focal Point (NFP) dan Malaysia adalah negara Parti kepada Basel Convention on the Transboundary Movement of Hazardous Waste and their Disposal 1989 (Basel Convention), satu konvensyen untuk mengawal selia dan mengurangkan pergerakan bahan buangan merbahaya merentas sempadan.
7. Pengurusan dan pengawal seliaan buangan terjadual juga adalah tertakluk di bawah peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Penahanan sementara kontena yang disyaki dilakukan berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 38, AKAS 1974. Sebarang pengimportan dan pengeksportan buangan terjadual tanpa kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling adalah suatu kesalahan di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan apabila disabitkan kesalahan hendaklah dihukum

penjara selama tempoh tidak melebihi lima (5) tahun dan hendaklah juga didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit (RM500,000).

8. Setakat ini (17 April 2019), ada lebih kurang 111 kontena berisi sisa plastik yang diisyiharkan oleh agen penghantaran yang masih berada di Westports dan 18 lagi di Northports yang belum dituntut oleh pemilik / penerima kontena yang perlu melakukan pengisytiharan penuh kandungan kontena kepada Jabatan Kastam sebelum boleh dibawa keluar dari Pelabuhan Klang.

9. Sehubungan itu, JAS bersama agensi lain akan melakukan pemeriksaan ke atas kontena-kontena yang disyaki dicemari bahan buangan terjadual atau kontena yang disyaki terdapat pemalsuan pengisytiharan supaya tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya dapat dilakukan. JAS boleh mengarahkan penghantaran semula sekiranya kandungan mengandungi bahan buangan merbahaya mengikut Basel Convention manakala Jabatan Kastam boleh mengambil tindakan ke atas agen penghantaran yang terlibat [1]. Kementerian bersama agensi-agensi Kerajaan lain akan meneruskan penguatkuasaan secara holistik demi kepentingan alam sekitar dan kesejahteraan rakyat serta memastikan negara Malaysia tidak menjadi tempat pembuangan sampah plastik dari negara lain.

10. Untuk menanganai masalah lambakan plastik ini, kerjasama antarabangsa amat diperlukan. Oleh itu, Kementerian ini selaku NFP untuk Basel Convention akan menghadiri The fourteenth Meeting of the Conference of the Parties to the Basel Convention yang akan berlangsung pada 29 April hingga 10 Mei 2019 di Geneva, Switzerland. Semasa Persidangan ini, Malaysia akan mengesyorkan pindaan supaya Konvensyen ini mengenakan prosedur PIC dalam pergerakan sisa plastik merentas sempadan. PIC ini merupakan satu prosidur yang mana negara pegeksport perlu memaklumkan negara pengimport dan mendapat kelulusan sebelum sebarang bahan (dalam kes ini sisa plastik) dieksport.

Nota: [1] <https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/03/01/customs-to-revoke-freight-licences-over-false-declarations/>

**Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi,  
Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)**  
**23 April 2019**

**Lampiran 1**

**STATUS TINDAKAN KE ATAS KILANG KITAR SEMULA PLASTIK DI SELURUH MALAYSIA  
SEHINGGA 11 APRIL 2019**

NAMA Negeri	JML. PENG DILAKUKA	JENIS		PENATIKAHAN		HARAM		PENATIKAHAN		TIDAK TERNAKED AREA / YUKAR ACTIVITI	TUTUP / TAHAN ORERAH	CATATAN
		KAWASAN IND.	LUNE KAWASAN IND	YA	TIDAK	KAWASAN IND.	LUNE KAWASAN INDUSTRI	YA	TIDAK			
SELANGOR	124	51	2	31	14	46	26	0	71	6	66	
SPIRIL	1	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	
JOHOR	24	16	2	9	7	0	0	0	0	1	12	
NELAKA	2	3	0	2	0	0	0	0	0	0	0	
N. SEMBILAN	22	17	0	8	7	7	3	3	4	1	11	
PERLIS	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
REDAH	25	13	0	10	9	10	2	0	12	0	15	
P. PINANG	56	22	8	23	6	5	2	2	5	1	11	
PERAK	42	22	1	18	7	6	1	0	4	7	11	
KELANTAN	1	0	0	0	0	0	1	0	1	0	1	
TERENGGANU	1	1	0	0	0	0	0	0	0	1	0	
PAHANG	2	3	0	1	0	0	0	0	0	0	0	
LAKUAN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
SABAH	4	6	0	4	2	0	2	2	0	0	0	
SARAWAK	3	3	0	1	0	0	0	0	0	0	0	
JUMLAH	300	159	15	133	44	75	37	5	99	21	140	
			168				112					